

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

**SOALAN**

TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kos dan jumlah ujian saringan COVID-19 yang telah dilakukan oleh Kerajaan sehingga bulan Jun. Berapa ramai daripada jumlah ujian tersebut adalah warga asing dan apakah tindakan lanjut Kerajaan terhadap warga asing yang dikesan positif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membelanjakan sebanyak **RM96 juta** bagi kos reagen dan test kit **untuk ujian saringan COVID-19.** Kementerian Kesihatan telah mula menjalankan ujian saringan COVID-19 sejak bulan Januari 2020, iaitu sejak virus ini mula dikenalpasti dan ujian COVID-19 telah mula tersedia di Malaysia. Sehingga kini, **sebanyak 55 fasiliti awam dan swasta boleh menjalankan ujian COVID-19.** Ujian saringan COVID-19 ini melibatkan ujian *Reverse Transcriptase – Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) dan *Rapid Test Kit (Antigen) (RTK Ag)*.

2. Statistik terkini sehingga 6 Ogos 2020, seramai 1,012,660 individu telah menjalani ujian pengesanan COVID-19 di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, **sebanyak 72,736 bukan warganegara telah disaring** (7.2%) dan sebanyak **2,683 daripada bukan warganegara ini dikesan positif ujian saringan COVID-19.** Kes yang dikesan positif akan

## SOALAN NO. 38

dimasukkan ke wad isolasi bagi menerima rawatan selanjutnya bergantung kepada keperluan klinikal individu.

3. Mengambil kira terdapat individu yang menjalani ujian pengesanan lebih daripada sekali, maka sehingga 6 Ogos 2020, sebanyak 1,867,673 ujian saringan COVID-19 telah dijalankan, melibat 1,742,302 ujian RT-PCR dan 125,371 RTK Ag.

4. Aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit adalah penting dalam membendung penularan penyakit termasuklah penyakit COVID-19. Justeru, sama ada warganegara atau bukan warganegara, sama ada pendatang asing dengan izin (PADI) atau pendatang asing tanpa izin (PATI), kesemua orang akan melalui proses yang sama bagi semua aktiviti kesihatan awam di Malaysia seperti:

- a) pengesanan kes dan kontak rapat kes;
- b) pelaksanaan ujian pengesanan COVID-19;
- c) pemberian Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian di rumah atau stesen kuarantin;
- d) pengurusan kes dan kontak rapat;
- e) protokol rawatan;
- f) pelaksanaan aktiviti nyah kuman;
- g) pemakluman isu dan nasihat kesihatan; dan
- h) pengurusan jenazah bagi kes kematian COVID-19.

5. Kesemua aktiviti ini penting dalam mengekang penularan COVID-19 dalam masyarakat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.